

# **TAKLIMAT PELAKSANAAN CAJ BARU PERUBATAN BAGI WARGA ASING**

**BAHAGIAN KEWANGAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

# LATAR BELAKANG

Kerajaan telah bersetuju supaya :

- (i) dikaji semula fi perubatan warga asing berdasarkan kos perkhidmatan bagi tujuan menghapuskan unsur subsidi dalam pemberian perkhidmatan rawatan perubatan kepada warga asing.
- (ii) dilaksanakan secara berperingkat iaitu 30% daripada jumlah peningkatan fi pada tahun pertama, 50% pada tahun kedua, 70% pada tahun ketiga dan caj sepenuhnya pada tahun keempat.
- (iii) Perintah Fi Perubatan (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 akan dilaksanakan berkuatkuasa pada 1 Januari 2015.
- (iv) semua sistem pengebilan bil pesakit (*itemised billing*) di hospital telah diubahsuai dan dikemaskini

# **PEMAKAIAN**

**Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 adalah terpakai kepada semua warga asing kecuali warga asing yang statusnya seperti berikut :**

- 1. Pemastautin tetap (diri sendiri sahaja) yang memegang suatu kad pengenalan di bawah perenggan 5(3)(b) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990[*P.U. (A) 472/1990*];**
- 2. Pasangan isteri atau suami yang bukan warganegara kepada warganegara Malaysia yang memiliki dokumen perkahwinan yang sah iaitu sijil nikah/sijil perkahwinan yang disahkan pejabat Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di luar negara atau Jabatan Pendaftaran Negara. Sekiranya pasangan isteri atau suami kepada warga asing telah bercerai/meninggal dunia, sijil nikah/sijil perkahwinan dengan sendirinya terbatal dan dicaj mengikut Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014; dan**
- 3. Kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah yang memegang sijil kelahiran Malaysia dan bapa atau ibunya adalah seorang warganegara atau pemastautin tetap di Malaysia.**

# **KATEGORI FI BARU**

**(i) Fi Pesakit Luar**

**(ii) Fi Wad**

**(iii) Fi Rawatan**

**(iv) Fi Siasatan**

**(v) Fi Ujian Makmal**

**(vi) Fi Pembedahan**

**(vii) Fi Pelbagai**

# Jadual 1 : Fi Pesakit Luar

JADUAL 1

## FI PESAKIT LUAR

Bil.	Prosedur (BM)	Procedure (BI)	TAHUN 2015 (RM)	TAHUN 2016 (RM)	TAHUN 2017 (RM)	TAHUN 2018 [Kos perkhidmatan bagi satu lawatan (RM)]
	<b>Hospital :</b>	<b>Hospital :</b>				
1	Pesakit Luar Am	General Outpatient	23	28	33	40
2	Pesakit Luar Pakar	Specialist Outpatient	78	90	102	120
3	Jabatan Kecemasan	Emergency Department	65	75	85	100
	<b>Klinik Kesihatan :</b>	<b>Health Clinic :</b>				
4	Pesakit Luar Am	General Outpatient	23	28	33	40
5	Pesakit Luar Pakar	Specialist Outpatient	78	90	102	120
6	<b>Klinik 1 Malaysia</b>	<b>1 Malaysia Clinic</b>	23	28	33	40
7	<b>Klinik Desa</b>	<b>Klinik Desa</b>	23	28	33	40
	<b>Lain-lain :</b>	<b>Others :</b>				
8	Perkhidmatan Kesihatan Kanak-kanak	Child health services	23	28	33	40
9	Rawatan Obstetrik & Ginekologi	Obstetric & Gynaecology treatment	23	28	33	40
10	Perkhidmatan Postnatum	Post natal services	23	28	33	40
11	Calitan Pap	Pap Smear	24	30	36	45
12	Perkhidmatan Bersalin (termasuk di Pusat Bersalin Alternatif dan di rumah)	Delivery service (including at Alternative Birthing Centre and at	130	150	170	200
13	Perkhidmatan perubatan di luar hospital	Medical services outside hospital	300 untuk setiap lawatan selain dari apa-apa tuntutan bagi perjalanan, sara hidup dan penginapan mengikut kadar yang ditentukan oleh Kerajaan.	300 untuk setiap lawatan selain dari apa-apa tuntutan bagi perjalanan, sara hidup dan penginapan mengikut kadar yang ditentukan oleh Kerajaan.	300 untuk setiap lawatan selain dari apa-apa tuntutan bagi perjalanan, sara hidup dan penginapan mengikut kadar yang ditentukan oleh Kerajaan.	300 untuk setiap lawatan selain dari apa-apa tuntutan bagi perjalanan, sara hidup dan penginapan mengikut kadar yang ditentukan oleh Kerajaan.

# **FI PESAKIT LUAR**

<b>Jenis Perkhidmatan</b>	<b>Penjelasan</b>
<b>HOSPITAL</b>	
<b>Pesakit Luar Am</b>	
<b>Pesakit Luar Pakar</b>	<b>Fi pesakit luar am/pakar merangkumi pendaftaran, perundingan dan ubat.</b>
<b>Jabatan Kecemasan</b>	<b>Tidak termasuk fi rawatan, fi ujian makmal, fi siasatan dan fi implan/prostesis yang perlu dikenakan caj berasingan.</b>
<b>KLINIK KESIHATAN / KLINIK PERGIGIAN</b>	
<b>Pesakit Luar Am</b>	
<b>Pesakit Luar Pakar</b>	<b>Klinik Pergigian di hospital perlu mengenakan fi pesakit luar terhadap pesakitnya.</b>
<b>Klinik 1 Malaysia</b>	
<b>Klinik Desa</b>	
<b>Klinik Pergigian</b>	

# FI PESAKIT LUAR

Jenis Perkhidmatan	Penjelasan
<b>LAIN-LAIN</b>	
<b>Perkhidmatan Kesihatan Kanak-Kanak</b>	<b>Fi perkhidmatan kesihatan kanak-kanak merangkumi pendaftaran, perundingan, ubat dan suntikan imunisasi. Tidak termasuk fi ujian makmal dan fi siasatan yang perlu dikenakan caj berasingan.</b>
<b>Rawatan Obstetrik &amp; Ginekologi</b>	<b>Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) dan Klinik Desa perlu mengenakan fi perkhidmatan kesihatan kanak-kanak terhadap pesakitnya.</b>  <b>Fi rawatan Obstetrik &amp; Ginekologi merangkumi pendaftaran, perundingan, dan ubat.</b>  <b>Tidak termasuk pemeriksaan ultrasound, fi ujian makmal dan fi siasatan yang perlu dikenakan caj berasingan.</b>  <b>Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) dan Klinik Desa perlu mengenakan fi rawatan obstetrik dan ginekologi terhadap pesakitnya.</b>

# **FI PESAKIT LUAR**

<b>Jenis Perkhidmatan</b>	<b>Penjelasan</b>
<b>LAIN-LAIN</b>	<b>Fi perkhidmatan postnatal merangkumi pendaftaran, perundingan dan ubat.</b>
<b>Perkhidmatan Postnatal</b>	<b>Tidak termasuk fi ujian makmal dan fi siasatan yang perlu dikenakan caj berasingan.</b>
	<b>Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) dan Klinik Desa perlu mengenakan fi perkhidmatan postnatal terhadap pesakitnya.</b>
<b>Calitan Pap</b>	<b>Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) dan Klinik Desa perlu mengenakan fi calitan pap terhadap pesakitnya.</b>
	<b>Tidak termasuk pendaftaran, perundingan, ubat, fi ujian makmal dan fi siasatan yang perlu dikenakan fi berasingan.</b>

# **FI PESAKIT LUAR**

Jenis Perkhidmatan	Penjelasan
<b>LAIN-LAIN</b>	<b>Fi perkhidmatan bersalin merangkumi pendaftaran, perundingan, ubat dan perkhidmatan bersalin.</b>
<b>Perkhidmatan Bersalin</b>	<b>Tidak termasuk fi ujian makmal dan fi siasatan yang perlu dikenakan caj berasingan.</b>  <b>Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) dan Klinik Desa perlu mengenakan fi perkhidmatan bersalin terhadap pesakitnya.</b>
<b>Perkhidmatan perubatan di luar hospital</b>	<b>Perkhidmatan yang disediakan atas permintaan pesakit atau pihak luar hendaklah dikenakan fi bagi setiap pesakit yang menerima perkhidmatan tersebut.</b>

# **FI WAD**

**Merangkumi kelas wad seperti:**

- (i) Eksekutif**
- (ii) Kelas Satu**
- (iii) Kelas Dua**
- (iv) Kelas Tiga**
- (v) Bilik Bersalin**
- (vi) Unit Rawatan Intensif/Unit Rawatan Koronari  
(dewasa & kanak-kanak)**
- (vii) Nurseri**
- (viii) Nurseri Rawatan Khas**
- (ix) Nurseri Dengan Rawatan Inkubator**
- (x) Wad Psikiatri (berdasarkan kelas wad dan mengikut  
bilangan katil)**

# **FI WAD**

- (i) Kadar fi wad bagi kanak-kanak adalah sama seperti kadar fi wad dewasa.**
- (ii) Bagi maksud perhitungan fi wad, hari kemasukan hendaklah dikira sebagai satu hari genap dan hari keluar hendaklah dikira sebagai satu hari genap jika ia melebihi dua belas (12) jam.**
- (iii) Bagi pesakit yang pada mulanya dimasukkan ke dalam wad kelas yang lebih rendah dan kemudiannya dipindahkan ke dalam wad kelas yang lebih tinggi atau sebaliknya atas permintaannya sendiri hendaklah membayar semua fi dan wad kelas yang terlibat.**

# **FI WAD**

- (iv) Jika pada pendapat Pegawai Perubatan adalah perlu bagi seseorang ibu atau bapa menemani anaknya, dia hendaklah tertakluk kepada fi wad setengah daripada kadar yang dinyatakan di dalam Jadual 2.**
- (v) Bagi pesakit yang menjalani prosedur bersalin fi bagi Bilik Bersalin hendaklah dikenakan manakala bagi pesakit yang bersalin secara *caesarean*, fi Bilik Bersalin tidak dikenakan ke atas pesakit.**

# Jadual 2 : Fi Wad

JADUAL 2

Bil.	Prosedur (BM)	Procedure (BI)	FI WAD			TAHUN 2018 [Kos perkhidmatan bagi wad sehari (RM)]
			TAHUN 2015 (RM)	TAHUN 2016 (RM)	TAHUN 2017 (RM)	
	<b>Eksekutif :</b>	<b>Executive:</b>				
1	Bilik 1 katil (VIP)	Single bed room (VIP)	255	325	395	500
2	Bilik 1 katil	Single bed room	204	260	316	400
3	Bilik 2 katil	Two beds in a room	172	220	268	340
	<b>Kelas Satu :</b>	<b>First Class :</b>				
4	Bilik 1 katil	Single bed room	208	240	272	320
5	Bilik 2 katil	Two beds in a room	153	178	203	240
6	Bilik 3 katil atau lebih	Three or more beds in a room	116	140	164	200
7	<b>Kelas Dua</b>	<b>Second Class</b>	96	120	144	180
8	<b>Kelas Tiga</b>	<b>Third Class</b>	76	100	124	160
9	Bilik Bersalin	Labour room	265	275	285	300
10	Unit Rawatan Intensif atau Unit Rawatan Koronari (dewasa)	Intensive Care Unit or Coronary Care Unit (adult)	318	330	342	360
11	Unit Rawatan Intensif atau Unit Rawatan Koronari (kanak-kanak)	Intensive Care Unit or Coronary Care Unit (child)	265	275	285	300
12	Nurseri	Nursery	50	53	56	60
13	Nurseri rawatan khas	Special Care Nursery	112	120	128	140
14	Nurseri dengan rawatan Incubator	Nursery with incubator care	135	145	155	170
15	<b>Wad Psikiatri</b>	<b>Psychiatric ward</b>	Berdasarkan kelas wad dan mengikut bilangan katil			

# **FI RAWATAN**

**Merangkumi prosedur rawatan seperti:**

- (i) Pesakit dalam**
- (ii) Psikiatrik**
- (iii) Bersalin**
- (iv) Radioterapi**
- (v) Perubatan nuklear**
- (vi) Nefrologi**
- (vii) Fisioterapi**
- (viii) Pergigian**
- (ix) Anggota tiruan/Prostesis**
- (x) Perkhidmatan Perubatan Tradisional & Komplementari**
- (xi) Bekalan darah dan hasil darah;**
- (xii) Pemulihan cara kerja**
- (xiii) Implan/prostesis bagi perkhidmatan oftalmologi dan otopedik**

# Jadual 3 : Fi Rawatan

JADUAL 3

FI RAWATAN						
Bil.	Prosedur (BM)	Procedure (BI)	TAHUN 2015 (RM)	TAHUN 2016 (RM)	TAHUN 2017 (RM)	TAHUN 2018 [Kos perkhidmatan (RM)]
1	RAWATAN PESAKIT DALAM	INPATIENT TREATMENT	37 sehari	55 sehari	73 sehari	100 sehari
2	RAWATAN PSIKIATRIK	PSYCHIATRIC TREATMENT	975 setiap kali dimasukkan ke hospital.	1,125 setiap kali dimasukkan ke hospital.	1,275 setiap kali dimasukkan ke hospital.	1,500 setiap kali dimasukkan ke hospital.
	BERSALIN	DELIVERY CHARGES				
3	Caesarean	Caesarean	1,606	2,011	2,415	3,021
	Bersalin dengan bantuan :	Delivery with help:				
4	Forsep/ breech/vakum	Forcep/Breech/Vacuum	1,198	1,597	1,995	2,593
5	Bersalin Kembar	Twin	1,338	1,697	2,055	2,593
6	Bersalin Biasa	Spontaneous Vertex Delivery	1,128	1,547	1,965	2,593
	CAJ RAWATAN ATAU PROSEDUR	OTHER TREATMENT				
7	Kardiotokograf	Cardiotocograph	57	75	93	120
8	Toilet & Suture per stich	Toilet & suture per stich	50	50	50	50
9	Fine needle aspiration	Fine needle aspiration	111	158	205	275
10	Incision & drainage	Incision & drainage	118	163	208	275
11	Catheterisation	Catheterisation	61	68	75	85
	RADIOTERAPI	RADIOTHERAPY TREATMENT				
	SIMULASI DAN PERANCANGAN BERKOMPUTER	SIMULATION AND COMPUTERIZED PLANNING				
12	Penandaan Setempat/Mark on set	Mark on set	15	25	35	50
13	Simulasi Konvensional/Conventional Simulation	Conventional Simulation	300	500	700	1,000
14	Simulasi CT/CT Simulation - Biasa (tanpa contrast)/Normal (without contrast)	CT Simulation - Normal (without contrast)	450	750	1,050	1,500

# **FI SIASATAN**

**Merangkumi prosedur siasatan seperti:**

- (i) Radiologi**
- (ii) Kardiologi**
- (iii) Neurologi**
- (iv) Oftalmologi**
- (v) Telinga, hidung dan kerongkong**
- (vi) Pemulihan pertuturan bahasa**
- (vii) Dietetik**

- **Fi siasatan hendaklah dimasukkan ke dalam bil rawatan pesakit sebaik sahaja pesakit tiba di tempat pemeriksaan untuk menjalani prosedur tersebut.**

# Jadual 4 : Fi Siasatan

JADUAL 4

Bil.	Prosedur (BM)	FI SIASATAN	Procedure (BI)			TAHUN 2015 (RM)	TAHUN 2016 (RM)	TAHUN 2017 (RM)	TAHUN 2018 [Kos Perkhidmatan (RM)]
			TAHUN 2015 (RM)	TAHUN 2016 (RM)	TAHUN 2017 (RM)				
	<b>PEMERIKSAAN RADIOLOGI</b>	<b>RADIOLOGICAL INVESTIGATION</b>							
	<b>X RAY</b>	<b>X RAY</b>							
	<b>Dada</b>	<b>Chest</b>							
1	Dada (satu pandangan)	Chest (single projection)	33	35	37	40			
2	Dada (dua pandangan)	Chest (two projection)	50	53	56	60			
3	Dada (tiga pandangan)	Chest (three projection)	56	63	70	80			
4	Dada (empat pandangan)	Chest (four projection)	62	73	84	100			
	<b>Tulang muka dan hidung</b>	<b>Facial and nasal bones</b>							
5	Tulang muka (satu pandangan)	Facial bones (single projection)	40	40	40	40			
6	Tulang muka (dua pandangan)	Facial bones (two projection)	46	50	54	60			
7	Tulang muka (tiga pandangan)	Facial bones (three projection)	52	60	68	80			
8	Tulang hidung (satu pandangan)	Nasal bones (single projection)	30	33	36	40			
	<b>Abdomen</b>	<b>Abdomen</b>							
9	Abdomen (satu pandangan)	Abdomen (single projection)	33	35	37	40			
10	Abdomen (dua pandangan)	Abdomen (two projection)	50	53	56	60			
11	Abdomen (tiga pandangan)	Abdomen (three projection)	56	63	70	80			
12	Ginjal, ureter dan pundi kencing (satu pandangan)	Kidney, ureter and bladder (KUB) (single projection)	55	68	81	100			
13	Pelvimetri lateral	Pelvimetri lateral	43	45	47	50			
14	Pelvimetri antero-posterior dan lateral	Pelvimetri antero-posterior and lateral	52	60	68	80			
	<b>Spina</b>	<b>Spine</b>							
15	Spina servikal (satu pandangan)	Cervical spine (single projection)	30	33	36	40			
16	Spina servikal (dua pandangan)	Cervical spine (two projection)	46	50	54	60			
17	Spinaservikal (tiga pandangan)	Cervical spine (three projection)	52	60	68	80			
18	Spina servikal (empat pandangan)	Cervical spine (four projection)	58	70	82	100			

# **FI UJIAN MAKMAL**

- Fi ujian makmal hendaklah dimasukkan ke dalam bil rawatan pesakit sebaik sahaja sampel ujian makmal tersebut tiba di kaunter makmal. Pegawai yang bertanggungjawab di kaunter makmal hendaklah membuat pengesahan penerimaan sampel tersebut dan caj bagi ujian makmal berkenaan dimasukkan ke dalam bil pesakit.**

# Jadual 5 : Fi Ujian Makmal

JADUAL 5

## FI UJIAN MAKMAL

Bil.	Prosedur	TAHUN 2015 (RM)	TAHUN 2016 (RM)	TAHUN 2017 (RM)	TAHUN 2018 [Kos Perkhidmatan (RM)]
1	2hour post parandial	12	14	16	20
2	17-oxosteroids	30	30	30	30
3	17-oxogenic steroids	30	30	30	30
4	3-methyoxy-4-hydroxy-mandelic acid (HMMA/VMA) (Urine)	30	30	30	30
5	5-hydroxy indoles total	20	20	20	20
6	5-hydroxyindoleacetic acid (5-HIAA)	51	65	79	100
7	ABO + Grouping (anti D only)	13	15	17	20
8	Acetone	5	5	5	5
9	Acid Fast Bacilluss (AFB) Culture	45	45	45	45
10	Acid Phosphatase	35	45	55	70
11	Acquired Immunodeficiency Syndrome (HIV antibody)	39	45	51	60
12	ACTH stimulation test	50	50	50	50
13	Alanine transaminase	10	10	10	10
14	Albumin (Blood)	10	10	10	10
15	Albumin (urine )	7	8	9	10
16	Alcohol	22	30	38	50
17	Aldosterone	84	84	84	84
18	Alfa-Fetoprotein (AFP)	46	53	60	70
19	Alkaline Phosphatase (ALP)	16	20	24	30
20	Allergy Skin Test	28	40	52	70

# **FI PEMBEDAHAN**

**Merangkumi prosedur pembedahan seperti:**

- (i) Pembedahan am**
- (ii) Urologi**
- (iii) Obstetrik dan ginekologi**
- (iv) ENT**
- (v) Pergigian**
- (vi) Traumatik**
- (vii) Ortopedik**
- (viii) Neurologi**
- (ix) Kardiologi**
- (x) Plastik dan rekonstruktif**
- (xi) Oftalmologi**
- (xii) *Hand and micro surgery.***

# **FI PEMBEDAHAN**

**Fi pembedahan hendaklah dimasukkan ke dalam bil pesakit apabila pesakit tiba di tempat pemeriksaan untuk menjalani prosedur tersebut.**

# Jadual 6 : Fi Pembedahan

JADUAL 6

Bil.	Prosedur (BM)	Procedure (BI)	FI PEMBEDAHAN			TAHUN 2018 [Kos Perkhidmatan (RM)]
			TAHUN 2015 (RM)	TAHUN 2016 (RM)	TAHUN 2017 (RM)	
<b>PEMBEDAHAAN AM</b>	<b>GENERAL SURGERY</b>					
1	Pharyngo-laryngo-oesophagectomy with reconstruction	Pharyngo-Laryngo-Oesophagectomy with Reconstruction	5,407	7,012	8,617	11,024
2	Tracheo-oesophageal fistula	Tracheo-Oesophageal Fistula	4,673	5,789	6,904	8,578
3	Total pancreatectomy	Total Pancreatectomy	4,451	5,419	6,386	7,837
4	Pancreato duodenectomy (eg.Whipple's operation)	Pancreato Duodenectomy (eg.Whipple's operation)	4,451	5,419	6,386	7,837
5	Adrenalectomy	Adrenalectomy	3,924	4,540	5,156	6,080
6	Adrenalectomy - bilateral	Adrenalectomy - bilateral	4,052	4,753	5,454	6,505
7	Total Parotidectomy -preserving of facial nerve	Total Parotidectomy -preserving of facial nerve	2,729	3,548	4,367	5,595
8	Partial Parotidectomy -preserving of facial nerve	Partial Parotidectomy -preserving of facial nerve	2,517	3,195	3,873	4,890
9	Total thyroidectomy	Total thyroidectomy	2,252	2,753	3,254	4,005
10	Partial thyroidectomy	Partial thyroidectomy	2,211	2,685	3,159	3,870
11	Hemithyroidectomy	Hemithyroidectomy	2,211	2,685	3,159	3,870
12	Subtotal thyroidectomy bilateral	Subtotal thyroidectomy bilateral	2,234	2,723	3,212	3,945
13	Thyroglossal Cyst	Thyroglossal Cyst	1,694	1,824	1,953	2,147
14	Block Dissection of cervical glands	Block dissection of cervical glands	3,170	4,284	5,397	7,068
15	Parathyroidectomy	Parathyroidectomy	2,410	3,017	3,623	4,533
16	Mastectomy with/without axillary clearance	Mastectomy with/without axillary clearance	1,935	2,226	2,516	2,951
17	Wide excision for carcinoma breast	Wide excision for carcinoma breast	1,760	1,934	2,107	2,367
18	Total oesophagectomy and interposition of intestine	Total oesophagectomy and interposition of intestine	4,532	6,554	8,575	11,607

# **FI PELBAGAI**

- **Fi pelbagai adalah merangkumi imunisasi, ambulan, kereta jenazah dan pasukan bersedia, pemeriksaan perubatan dan lembaga perubatan serta laporan perubatan bertulis seperti di Jadual 7.**
- **Pemeriksaan perubatan adalah meliputi pakej asas iaitu ujian fizikal, X-Ray dan *urine feme* sahaja. Tidak termasuk ujian-ujian lain yang perlu dikenakan caj berasingan**

# Jadual 7 : Fi Pelbagai

JADUAL 7

Bil.	Prosedur (BM)	Procedure (BI)	FI PELBAGAI			
			TAHUN 2015 (RM)	TAHUN 2016 (RM)	TAHUN 2017 (RM)	TAHUN 2018 [Kos Perkhidmatan (RM)]
1	<b>IMMUNISASI :</b> Demam Kuning	<b>IMMUNISATION :</b> Yellow fever	153	195	237	300
2	Tifoid	Typhoid	38	50	62	80
3	Jenis imunisasi lain	Other form of immunisation	23	28	33	40
4	<b>AMBULAN, KERETA JENAZAH DAN PASUKAN PERUBATAN BERSEDIA</b>	<b>AMBULANCE, HEARSE AND STANDBY MEDICAL TEAM</b>				
5	Ambulan	Ambulance	0.90 bagi setiap km.	1.10 bagi setiap km.	1.20 bagi setiap km.	1.40 bagi setiap km.
6	Kereta Jenazah :	Hearse				
7	Kurang daripada 30 km	Less than 30 km	26	30	34	40
8	30 km hingga 800 km	30 km to 800 km	0.90 bagi setiap km.	1.10 bagi setiap km.	1.20 bagi setiap km.	1.40 bagi setiap km.
9	Lebih daripada 800 km	More than 800 km	780	900	1,020	1,200
10	<b>PASUKAN PERUBATAN BERSEDIA (tidak termasuk Pegawai Perubatan) :</b>	<b>Standby Medical Team (excluding Medical Officer)</b>				
11	Hari pertama	First day	400	400	400	400
12	Hari kemudiannya	Every subsequent day	215	225	235	250
13	<b>PEMERIKSAAN PERUBATAN DAN LEMBAGA PERUBATAN</b>	<b>MEDICAL EXAMINATION AND MEDICAL BOARD</b>				
14	Pemeriksaan Perubatan termasuk X-Ray	Medical Examination including X-Ray	230	250	270	300
15	Pemeriksaan untuk Lembaga Perubatan	Examination for Medical Board	460	500	540	600
16	<b>PENDAPAT ATAU LAPORAN PERUBATAN BERTULIS</b>	<b>WRITTEN MEDICAL OPINION OR REPORT</b>				
17	Laporan ringkas/pendapat disediakan oleh Pegawai Perubatan	Brief report/opinion prepared by Medical Officer	92	100	108	120
18	Laporan ringkas/pendapat disediakan oleh Pakar	Brief report/opinion prepared by specialist	184	200	216	240
19	Pendapat lengkap disediakan oleh Pakar	Comprehensive opinion prepared by specialist	400 hingga 2000 bergantung kepada kerumitan menyediakan pendapat itu <sup>a</sup> .	400 hingga 2000 bergantung kepada kerumitan menyediakan pendapat itu <sup>a</sup> .	400 hingga 2000 bergantung kepada kerumitan menyediakan pendapat itu <sup>a</sup> .	400 hingga 2000 bergantung kepada kerumitan menyediakan pendapat itu <sup>a</sup> .

# **FI PERGIGIAN**

**BARU!**

**Fi pergigian adalah seperti mana fi bagi pesakit luar di Jadual 1 sama ada pesakit mendapatkan rawatan di hospital atau klinik pergigian dan fi bagi rawatan pergigian seperti di Jadual 3, 4 dan 6.**

# **FI ANGGOTA TIRUAN/ PROSTESIS**

**Pesakit warga asing yang menggunakan  
peralatan implan/prostesis hendaklah  
dikenakan bayaran deposit penuh  
mengikut caj semasa peralatan tersebut**

# **FI JAGAAN HARIAN**

- **Penjagaan harian adalah penjagaan pesakit yang dimasukkan ke unit rawatan harian di hospital atau pusat rawatan khas, bagi tempoh kurang daripada dua puluh empat jam atas rujukan oleh pegawai perubatan bagi prosedur perubatan termasuk untuk tujuan pencegahan, penyiasatan, terapi dan rehabilitasi.**
- **Fi penjagaan harian yang dikenakan adalah seperti fi yang dinyatakan dalam Jadual 3 hingga 6 dan fi adalah berdasarkan kadar wad kelas tiga dalam Jadual 2.**

# BAYARAN DEPOSIT

- Mulai tarikh fi baru dikuatkuasa iaitu pada 1 Januari 2015, kadar deposit untuk kemasukan ke hospital bagi warga asing adalah seperti berikut:**

KELAS WAD	PERUBATAN (RM)	PEMBEDAHAN (RM)	OBSTETRIK & GINEKOLOGI (RM)
Eksekutif	2100	3300	2100
Kelas Satu	2100	3300	2100
Kelas Dua	900	1500	1500
Kelas Tiga	600	1200	1200

## **PENGECUALIAN BAYARAN CAJ PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN DI LUAR HOSPITAL/FASILITI KKM**

**Merujuk kepada Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bil.1 Tahun 2013 : Pengecualian Bayaran Caj Perkhidmatan Perubatan Dan Kesihatan Di Luar Hospital/Fasiliti KKM, terdapat perkhidmatan yang diberikan oleh KKM yang tidak mengenakan bayaran di bawah Perintah Fi (Perubatan) 1982 kerana ianya adalah di luar skop Perintah tersebut iaitu :**

- (i) perkhidmatan perubatan semasa penganjuran kem atau karnival kesihatan;**
- (ii) kem pendidikan kesihatan;**
- (iii) perkhidmatan kesihatan di Institusi Tahanan/Perlindungan seperti depoh tahanan, lokap polis dan rumah perlindungan;**
- (iv) perkhidmatan kawalan penyakit bagi penyakit berjangkit dan bawaan vektor; dan**
- (v) perkhidmatan kesihatan antarabangsa di pintu-pintu masuk negara.**

## **PENGECUALIAN BAYARAN CAJ PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN DI LUAR HOSPITAL/FASILITI KKM**

**Bagi menambahkan lagi kemudahan kesihatan kepada rakyat, pengecualian bayaran caj perkhidmatan juga diberikan kepada warganegara bagi perkhidmatan seperti berikut:**

- (i) perkhidmatan lawatan rumah (*home visit*);**
- (ii) perkhidmatan yang mempunyai kesinambungan kepada rawatan yang diberikan semasa di wad dan lawatan tersebut telah dirancang dan dipersetujui oleh pakar-paka;**
- (iii) perawatan pesakit di rumah; dan**
- (iv) perkhidmatan kesihatan bergerak.**

**Walau bagaimanapun, tiada peremitan diberikan kepada warga asing bagi perkhidmatan seperti di perkara (i) hingga (iv).**

# **PEMBEKALAN UBAT**

**Merujuk kepada surat Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia ruj.KKM-55/BPF/104/012/10 Jld.9 (41) bertarikh 31 Mac 2014, telah mengarahkan supaya ubat-ubatan yang dibekalkan kepada warga asing yang menghidap penyakit tidak berjangkit (NCD) di fasiliti KKM perlu dihadkan kepada lima hari sahaja. Pesakit warga asing akan diberi dua preskripsi oleh doktor yang merawat iaitu:**

- (i) Preskripsi pertama untuk bekalan di fasiliti KKM bagi tempoh lima hari sahaja; dan**
- (ii) Preskripsi kedua untuk bekalan seterusnya (jika perlu) di mana ubat-ubatan perlu dibeli di luar fasiliti KKM (farmasi swasta) oleh warga asing tersebut. Preskripsi pertama untuk bekalan di fasiliti KKM bagi tempoh lima hari sahaja.**

# **PROSEDUR SEDIA ADA YANG TERDEKAT**

**Bagi prosedur rawatan, pembedahan, siasatan, ujian makmal dan pelbagai yang tidak disenaraikan di dalam Perintah Fi (Perubatan)(Kos Perkhidmatan) 2014, fi hendaklah dikenakan berdasarkan prosedur sedia ada yang terdekat sekali (*closest equivalent procedure*) mengikut pandangan Pakar Perubatan.**

# **PENDAFTARAN WARGA ASING DI DALAM SISTEM SPIKPA**

**BARU!**

**Semua warga asing hendaklah mendaftar dengan Kementerian Kesihatan terlebih dahulu sebelum mendapatkan rawatan di hospital/klinik Kerajaan bagi memudahkan pengumpulan data.**

**Bagi tujuan tersebut, semua hospital/klinik Kerajaan dikehendaki untuk mendaftar warga asing di dalam sistem SPIKPA.**

# **PELAPORAN PATI YANG MENDAPATKAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DI HOSPITAL/KLINIK**

**Semua hospital dan klinik kesihatan hendaklah melaporkan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan kepada pihak berkuasa yang berkenaan seperti Jabatan Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia berdasarkan kepada garis panduan yang dinyatakan di dalam Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil.10/2001.**

# **FI RAWATAN PERUBATAN BAGI PATI UNHCR**

**Bagi pendatang asing tanpa izin (PATI) UNHCR yang mendapatkan rawatan, pihak hospital/klinik hendaklah merujuk kepada Surat Bahagian Kewangan ruj.(9) dlm KKM 58/900/97 bertarikh 25 September 2013 yang meminda Surat Pekeliling Bahagian Kewangan Bil.1 Tahun 2006 bertarikh 26 Januari 2006 mengenai ‘Caj Rawatan Perubatan Bagi Pelarian Yang Berdaftar Secara Sah Dengan Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Hal Ehwal Pelarian (*United Nations High Commissioner For Refugees – UNHCR*)’.**

# **FI RAWATAN PERUBATAN BAGI PATI UNHCR**

**Kadar fi rawatan perubatan yang dikenakan kepada pesakit PATI UNHCR yang diiktiraf dan berdaftar secara sah dengan UNHCR ialah 50% daripada kadar fi warga asing yang terdapat di dalam Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014.**

**Pihak hospital juga diminta merujuk kepada surat Bahagian ini ruj.(11)dlm.KKM 58/900/97 bertarikh 29 Oktober 2013 yang menyatakan mengenai kelayakan rawatan perubatan anak kepada pesakit UNHCR yang baru dilahirkan di hospital KKM.**

# **PEREMITAN**

**Rawatan yang diberikan kepada pesakit warga asing di dalam Kem Tahanan Kerajaan, mangsa penderaan, mangsa pemerdagangan orang, mangsa penganiayaan dan kemalangan (yang ditimpa bencana alam) yang dibawa ke hospital Kerajaan untuk rawatan di bawah kawalan pihak penguatkuasa adalah diremitkan daripada semua bayaran.**

**Kelulusan kemudahan wad kelas satu dan peremitan bayaran bil perubatan bagi penderma organ/sel stem dan kadaverik kepada warga asing. (Rujuk surat Bil.(64)dLM.KKM-58/900/69 Jld 7 bertarikh 21 November 2012).**

# **TIDAK LAYAK PERTIMBANGAN PEREMITAN**

**Semua pesakit warga asing perlu dikenakan fi berkaitan bagi semua rawatan yang telah diterima di hospital/klinik kesihatan sama ada disyaki/disahkan menghidapi mana-mana penyakit berjangkit yang diwartakan, permohonan peremitan daripada membayar sebahagian/keseluruhan fi rawatan perubatan tidak boleh dipertimbangkan.**

**Nota:**

Satu surat edaran akan dikeluarkan oleh Bahagian Kawalan Penyakit mengenai perkara ini

# **PELAPORAN PENYATA TAHUNAN HOSPITAL**

**BARU!**

**Semua sistem *itemised billing* hospital telah diubahsuai bagi pihak hospital menyediakan laporan Penyata Tahunan Hospital mengenai jumlah subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan dalam menyediakan perbelanjaan perubatan di Kementerian.**

**Semua hospital dikehendaki untuk mengemukakan laporan penyata tahunan ini ke Bahagian Kewangan pada setiap akhir tahun.**

# **FORMAT PELAPORAN PENYATA TAHUNAN HOSPITAL**

**BARU!**

## **Penyata Tahunan Hospital**

<b>Kategori Pesakit</b>	<b>Jumlah Pesakit</b>	<b>Jumlah Kos Perkhidmatan (RM)</b>	<b>Amaun Dibayar (RM)</b>	<b>Jumlah Subsidi Kerajaan (RM)</b>
Warganegara				
Warga Asing				

# **FORMAT PELAPORAN PENYATA TAHUNAN HOSPITAL**

**BARU!**

## **Penyata Tahunan Pesakit**

<b>Nama Pesakit</b>	<b>Tarikh Mendapat Rawatan</b>	<b>Jumlah Kos Perkhidmatan (RM)</b>	<b>AmaunDibayar (RM)</b>	<b>Jumlah Subsidi Kerajaan (RM)</b>

# Contoh Itemised Bill (Warganegara Awam – Tahun 2015)



**KERAJAAN MALAYSIA  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
HOSPITAL AMPANG**

Jalan Mewah Utara, Pandan Mewah, 68000 Ampang, Selangor  
Tel : 03-42896000, Fax : 03-4295 4666

No Bill: AMBLIP/01100026	Tarikh Bil : 17/01/2015	Tarikh Cetak : 17/01/2015
--------------------------	-------------------------	---------------------------

<b>Maklumat Pesakit</b>		<b>Maklumat Penjamin</b>			
Nama Pesakit	ABDULLAH BIN ABU		Nama Penjamin		
KIP Pesakit	680728105120		KIP Penjamin		
Alamat Pesakit	NO 9, PERUMAHAN AWAM JALAN PUTRA 45200 SEKINCHAN SELANGOR		Maklumat Surat Mengurat		
				<b>Unit Hasil:</b> Tambahkan Maklumat "Kelayakan" (WN atau WNA)	
Tarikh Masuk	17/01/2015	<b>Unit Hasil:</b> Daripada Kadar Kos Sebenar kepada Kadar Kos Perkhidmatan	Hubungan dengan penjamin Kelayakan		<b>Unit Hasil:</b> Daripada Kos Sebenar kepada Kos Perkhidmatan.
Tarikh Keluar	21/01/2015		Warganegara (Awam)		
No. Pesakit					
No. Akaun					
PERIHAL BAYARAN	KADAR KOS PERKHIDMATAN (RM) * UNIT	KOS PERKHIDMATAN (RM)	KADAR DICAJ (RM) * UNIT	AMAUN DICAJ	CATATAN
<b>Caj Wad</b> - Lelaki (Kelas 3)	160.00 * 4	640.00	3.00 * 4	12.00	
<b>Caj Rawatan</b> - Kelas 3	100.00 * 4	400.00	0.00 * 4	0.00	
<b>Makmal</b> Full Blood Count (FBC)	40.00 * 2	80.00	2.00 * 2	4.00	
<b>Radiologi</b> X-Ray Knee Joint	60.00 * 2	120.00	20.00 * 2	40.00	
<b>JUMLAH KOS PERKHIDMATAN</b>				1240.00	<b>Unit Hasil:</b> Daripada Jumlah Kos Sebenar kepada Jumlah Kos Perkhidmatan.
<b>JUMLAH AMAUN DICAJKAN</b>				56.00	
<b>AMAUN DEPOSIT</b>				0.00	
<b>AMAUN PENGECUALIAN/TIDAK DICAJ</b>				0.00	
<b>AMAUN TUNGGAKAN</b>				0.00	
<b>JUMLAH SUBSIDI KERAJAAN</b>				1184.00	
<b>AMAUN PERLU DIBAYAR (Bil Semasa + Tunggakan)</b>				56.00	
					<b>Ringgit Malaysia : Lima Puluh Enam Sahaja</b>

# **LANGKAH-LANGKAH MENGATASI TUNGGAKAN BIL RAWATAN PESAKIT WARGA ASING**

- **Unit Hasil hospital hendaklah memastikan pesakit membuat bayaran deposit kemasukan wad semasa urusan pendaftaran di kaunter hasil atau di Bilik Daftar Masuk;**
- **Penyelia wad hendaklah memantau dan mengemaskini kepingan caj setiap hari dan mengutip deposit tambahan daripada pesakit sekiranya bil pesakit telah melebihi jumlah deposit;**
- **Menggiatkan lagi kutipan deposit dengan menghantar kakitangan Unit Hasil ke wad untuk mengutip tambahan deposit bagi pesakit yang mempunyai bil melebihi daripada deposit;**
- **Bagi pesakit yang dalam keadaan tidak sedar/pengsan semasa dirawat di Jabatan Kecemasan, waris hendaklah dikenalpasti agar bayaran deposit dalam dijelaskan sebelum pesakit dimasukkan ke dalam wad;**

# **LANGKAH-LANGKAH MENGATASI TUNGGAKAN BIL RAWATAN PESAKIT WARGA ASING**

- **Semua pesakit diminta menyelesaikan bayaran bil mereka sebelum keluar dari hospital. Unit hasil hendaklah bekerjasama dengan kakitangan wad untuk meminta/menyemak resit bayaran bil sebelum membenarkan peskait keluar dari wad;**
- **Pesakit yang gagal membayar deposit tambahan diserahkan suatu kenyataan/peringatan ringkas bertulis mengenai tanggungjawab mereka menjelaskan deposit tersebut dalam kadar segera dan menjelaskan bayaran fi perkhidmatan/rawatan masing-masing sebaik mereka didiscaj;**
- **Pihak hospital hendaklah memastikan rekod-rekod pesakit dengan lengkap seperti alamat, no.telefon dan waris yang boleh dihubungi semasa pesakit belum didiscaj dengan kerjasama kakitangan wad;**
- **Memohon kerjasama wad supaya tidak meluluskan pembekalan ubat sehingga pesakit menjelaskan bil rawatan;**

# **LANGKAH-LANGKAH MENGATASI TUNGGAKAN BIL RAWATAN PESAKIT WARGA ASING**

- Mendapatkan bantuan daripada pengawal keselamatan hospital bagi memastikan pesakit yang didapati gagal menjelaskan bil rawatan agar tidak melarikan diri tanpa didiscaj oleh hospital;
- Bagi kes pesakit yang akan dirujuk ke hospital berdekatan, pihak hospital hendaklah memastikan bil pesakit tersebut dijelaskan terlebih dahulu sebelum rujukan dibuat ke hospital yang berdekatan;
- Unit Hasil hospital/klinik dikehendaki untuk menyemak status bil rawatan pesakit warga asing melalui sistem SPIKPA dan memastikan pesakit menjelaskan terlebih dahulu tunggakan bil rawatannya sebelum mendapatkan perkhidmatan di hospital/klinik;
- Bagi tujuan mewujudkan kesedaran kepada orang awam, adalah wajar kenyataan mengenai tanggungjawab pesakit membayar deposit dan bil rawatan hospital dipamerkan di kaunter pendaftaran;

# **LANGKAH-LANGKAH MENGATASI TUNGGAKAN BIL RAWATAN PESAKIT WARGA ASING**

- **Bil-bil rawatan yang tertunggak hendaklah dikemukakan ke Pejabat Konsul/Kedutaan untuk tujuan pembayaran; dan**
- **Pesakit-pesakit yang gagal menjelaskan bayaran bil rawatan yang dikenakan ke atasnya hendaklah dihantar surat tuntutan mengikut tempoh yang ditetapkan di dalam Surat Pekeliling KKM Bil.5 Tahun 2007 yang bertajuk ‘Penambahbaikan Tatacara Pengendalian Bil-Bil Rawatan Tertunggak’**

# **SOALAN LAZIM**

## **CAJ RAWATAN/SIASATAN/UJIAN MAKMAL**

### **1. Caj Dressing**

Untuk simple dressing, caj dikira termasuk dalam caj pendaftaran. Bagi dressing luka yang besar, caj yang perlu dikenakan adalah berdasarkan caj prosedur Toilet & Suture per stich (Jadual 3, Rawatan, Item 8).

### **2. Caj Pengambilan Bacaan Tekanan Darah**

Caj bagi prosedur pengambilan bacaan tekanan darah (blood pressure) adalah termasuk dalam Caj Pendaftaran.

### **3. Caj bagi Sugar Profile.**

Caj bagi Sugar Profile adalah RM30 (untuk 4 kali ujian dalam masa satu hari).

# **SOALAN LAZIM**

## **4. Proses bayaran bagi pesakit luar yang perlu menjalani prosedur X-Ray.**

Jika Pesakit perlu menjalani prosedur X-Ray (selepas Doktor membuat pemeriksaan), maka pesakit perlu kembali ke Kaunter Hasil untuk membuat pembayaran X-Ray terlebih dahulu sebelum X-Ray dijalankan (termasuk pesakit di ED seperti di green/yellow zone)

## **5. Caj Perkhidmatan Implan/Prostheses**

Perlu dikenakan caj atas kadar semasa Implan/Prostheses tersebut.

# **SOALAN LAZIM**

## **CAJ PERGIGIAN**

### **6. Caj X-Ray Pergigian**

Caj Prosedur X-Ray bagi Pergigian boleh dirujuk pada item no. 137-140 dalam Jadual 4 Fi Siasatan.

### **7. Caj pendaftaran jika pesakit dirujuk daripada wad kepada Klinik Pergigian.**

Walaupun dirujuk, pesakit tetap perlu dicaj bagi pendaftaran dan semua caj rawatan yang diberikan.

# **SOALAN LAZIM**

## **8. Terdapat pertindihan bagi prosedur pergigian (dalam Jadual Rawatan dan Pembedahan dengan caj yang berlainan).**

Caj mengikut harga tertinggi atau berdasarkan kepada kerumitan prosedur tersebut terhadap pesakit.

## **9. Rawatan pergigian di sekolah - bagi pelajar WNA, perlukah pelajar berkenaan diperiksa/dirawat dengan dikenakan caj?**

Rawat dengan caj WNA.

## **10. Caj pembuatan dan pemakaian gigi palsu.**

Tiada pengecualian bagi WN dan WNA.

# **SOALAN LAZIM**

**11. Pesakit WNA dimasukkan ke wad dan perlu membuat rawatan di Klinik Pergigian. Perlukah pesakit itu dikenakan caj di Klinik Pergigian atau semasa discharge di wad?**

Caj rawatan pergigian perlu dimasukkan ke dalam Kepingan Caj pesakit semasa discharge.

# **SOALAN LAZIM**

## **12. Pendaftaran bagi ibu mengandung di Klinik Pergigian?**

Perlu kenakan caj pendaftaran di Klinik Pergigian (walaupun pesakit telah membayar caj pendaftaran di Klinik Kesihatan).

### **CAJ WAD**

## **13. Caj Bilik Bersalin (Labour Room)**

Caj Bilik Bersalin hanya dikenakan bagi pesakit yang bersalin secara normal. Pesakit yang bersalin secara caesarean tidak perlu dikenakan caj Bilik Bersalin walaupun sebelum itu telah memasuki Bilik Bersalin terlebih dahulu.

## **14. Caj Mother Accompanying Child (MAC)**

Caj adalah separuh daripada kadar wad pesakit/anak/jagaan.

# **SOALAN LAZIM**

## **OBSTETRIK & GINEKOLOGI**

### **15. Caj Pencegahan Kehamilan**

Prosedur pemasangan IUCD dan Implanon perlu dicaj mengikut caj prosedur Insertion of Contraceptive Implant (Jadual 6, Pembedahan, Item No. 391), manakala caj bagi pengeluaran (removal) alat tersebut perlu dicaj mengikut caj Removal of Contraceptive Implant (Jadual 6, Pembedahan, Item No. 392). Bagi suntikan Depo, caj perlu dikenakan mengikut caj Jenis Imunisasi Lain (Item No. 3) Jadual 7 Fi Pelbagai.

\*\*Merujuk kepada Mesyuarat bersama Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (BPKK KKM) pada 23 Jan 2015, dicadangkan supaya tidak diberikan Pil Perancang sebaliknya menggunakan Hormone Theraphy [Medroxyprogesterone acetate (IM)] dalam Jadual 3, Fi Rawatan, Item 155.

# **SOALAN LAZIM**

## **16. Pengenaan caj bagi Home Visit.**

FOC bagi WN sahaja.

## **17. Bilakah bayaran bagi perkhidmatan home visit dibuat?**

Bayaran dibuat semasa memberi rawatan dan pegawai yang terlibat dalam Home Visit perlu mengemukakan resit KEW.38 apabila menerima bayaran daripada pesakit.

## **18. Pengenaan caj Test Blood Sugar bagi ibu mengandung dengan 4 circle per day.**

Caj pendaftaran sekali sahaja dan segala Ujian Makmal/blood test perlu dikenakan caj secara berasingan.

# **SOALAN LAZIM**

## **19. Apakah ujian-ujian dalam 'pakej' Antenatal Screening (Jadual 5 Fi Ujian Makmal) - ?**

Merujuk kepada Pathology HKL, ujian-ujian dalam 'pakej' Antenatal Screening tersebut adalah:

- HIV
- VDRL
- Hep B
- Hep C
- Blood Group Test (hanya untuk first time mother sahaja)

Walaubagaimanapun, caj bagi Antenatal Screening adalah terlalu rendah berbanding jika caj dikenakan secara satu persatu mengikut segala ujian yang dibuat terhadap pesakit. Justeru itu, pesakit WNA hendaklah dicaj mengikut caj setiap ujian yang dibuat terhadapnya dan caj 'pakej' Antenatal Screening hanya untuk WN sahaja.

# **SOALAN LAZIM**

## **PENDAFTARAN**

### **20. Pengenaan Fi Pendaftaran Pesakit.**

Fi Pendaftaran Pesakit adalah seragam bagi semua Klinik Kesihatan/Klinik Pergigian/Klinik 1Malaysia/Klinik Desa.

### **21. Pesakit WNA berkahwin dengan WN hanya membawa Pasport & Sijil Nikah sahaja tanpa membawa I/C pasangan WN.**

Pesakit akan dikenakan caj atas kadar WNA.

### **22. Bapa orang Sabah dan anak datang ke klinik dengan hanya membawa Guarantee Letter (GL) sekolah . Anak tersebut tidak memiliki sebarang dokumen pengenalan seperti IC/MyKid.**

Caj sebagai WNA.

# **SOALAN LAZIM**

**23. Jika kanak-kanak bawah 12 tahun, lahir di Malaysia, ada Sijil Kelahiran Malaysia, salah seorang ibu/bapa adalah WN atau Penduduk Tetap**

Caj WN.

**24. Pesakit telah discharge tetapi Pakar Perubatan telah menjadualkan rawatan susulan di rumah. Perlukah dikenakan caj untuk rawatan susulan tersebut?**

FOC untuk WN sahaja, walaubagaimanapun jika pesakit yang meminta pihak klinik/hospital untuk datang ke rumah tanpa dijadualkan oleh Doktor/Pakar, caj perlu dikenakan.

# **SOALAN LAZIM**

## **25. Caj bagi WNA yang bekerja sebagai pensyarah.**

Kebanyakan WNA yang bekerja sebagai pensyarah di negara ini adalah diikat secara kontrak. Bagi pensyarah yang berkhidmat di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), caj mereka adalah tertakluk kepada Perintah Am Bab F.

Walaubagaimanapun, pihak klinik/hospital perlu mendapatkan pengesahan daripada IPTA yang berkenaan adakah kemudahan perubatan yang ditawarkan dalam kontrak pegawai/pensyarah berkenaan meliputi keluarga atau dirinya sendiri sahaja. Bagi pensyarah yang bekerja di IPTS, caj mereka adalah caj WNA.

# **SOALAN LAZIM**

- 26. Caj pesakit kes kecemasan yang tiada sebarang dokumen pengenalan diri.**

Caj sebagai WNA.

- 27. Caj bagi pesakit pengemis/peminta sedekah.**

Caj perlu dikenakan mengikut kerakyatan pesakit (WN / WNA) melainkan bagi pesakit yang menerima Bantuan Kebajikan Masyarakat Malaysia sahaja.

# **SOALAN LAZIM**

## **28. Pengenaan caj bagi PATI dan waris tidak dapat dikenalpasti.**

Rawatan kes kecemasan terutamanya di ICU adalah antara penyumbang paling banyak kepada bil tertunggak. Sehubungan itu, rawatan yang diberi hendaklah yang sewajarnya sehingga pesakit berada dalam keadaan stabil sahaja dan perlu melaporkan pesakit yang berstatus PATI mengikut Pekeliling KPK Bil. 10/2001.

# **SOALAN LAZIM**

**29. Pesakit yang masuk (admit) ke dalam Wad Psikiatrik pada tahun 2014 dengan caj rawatan sebanyak RM750.00. Sehingga tahun 2015 pesakit masih menerima rawatan. Perlukah pesakit dikenakan caj rawatan psikiatrik mengikut kadar baru 2015 atau sekadar membayar perbezaan kadar rawatan psikiatrik tersebut?**

Cadangan sementara : Bayar perbezaan.

# **SOALAN LAZIM**

## **30. Caj bagi penggunaan Ambulan.**

Tiada pengecualian bagi penggunaan Ambulan untuk WNA.

## **31. Pengenaan caj bagi WNA yang diserang/dirompak/pergaduhan yang bukan di bawah tahanan polis.**

Perlu dicaj.

# **SOALAN LAZIM**

- 32. Pengecualian fi pendaftaran pesakit luar dan potongan separuh harga bil rawatan pesakit dalam bagi warga emas (umur 60 dan ke atas)**

Hanya terpakai bagi WN dan penduduk tetap sahaja.

- 33. Adakah Garis Panduan Perintah Fi memadai untuk memansuhkan Pekeliling yang memberikan pengecualian caj bagi penyakit berjangkit?**

Surat Pekeliling Bhgn. Kewangan Bil. 1 Tahun 2014 (Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 20140 telah membatalkan segala pengecualian yang sedia ada.

# **SOALAN LAZIM**

## **34. Jabatan Imigresen (JIM) tidak mahu mengambil pesakit PATI walaupun laporan telah dibuat.**

- (i) Tanggungjawab Hospital / Klinik Kesihatan adalah mematuhi Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) Bil. 10/2001 iaitu melaporkan kepada pihak Jabatan Imigresen (JIM) / Polis.
- (ii) Jika tindakan tidak diambil oleh pihak berkuasa tersebut - bil pesakit berkenaan akan menjadi tunggakan hospital.

## **35. Bolehkan menahan pemberian ubat selagi pesakit tidak menjelaskan bil?**

Mengikut kesesuaian keadaan pesakit dan pembekalan ubat hanyalah untuk tempoh 5 hari sahaja.

# **SOALAN LAZIM**

## **36. Bolehkah menerima pesakit yang hanya membawa salinan I/C atau Sijil Kelahiran?**

Rujuk SOP Penerimaan & Pendaftaran Pesakit di Hospital/Klinik masing-masing.

## **37. Bolehkah menerima pesakit yang hanya bawa salinan Pasport sahaja kerana Pasport asal dipegang oleh Majikan?**

Rujuk SOP Penerimaan & Pendaftaran Pesakit di Hospital/Klinik masing-masing.

# **SOALAN LAZIM**

## **38. Ramai pesakit WNA yang tidak mempunyai duit langsung. Apakah yang patut dilakukan oleh Unit Hasil?**

Hanya perlu dirawat dengan rawatan yang sewajarnya bagi kes-kes kecemasan sahaja. Bil-bil yang tidak dibayar oleh pesakit akan menjadi tunggakan hospital/klinik.

## **39. Bolehkah menahan/meyimpan dokumen pengenalan diri pesakit (Kad Pengenalan/Sijil Kelahiran/Pasport) jika pesakit/waris masih belum menjelaskan bil rawatan sepenuhnya?**

Tidak boleh kerana hanya pihak berkuasa tertentu sahaja yang mempunyai kebenaran/kuasa untuk berbuat demikian

# **SOALAN LAZIM**


## **KUTIPAN HASIL**

### **40. Penggunaan Kupon**

Boleh gunapakai kupon-kupon yang sedia ada. Kew.67&68, rekodkan nombor siri bagi membezakan kupon bagi WN dan WNA (khaskan nombor siri). Jika tidak, gunakan Kew.38. Dengan penggunaan Kew.38, kupon-kupon yang ada perlu disimpan di tempat yang selamat (almari berkunci dan berpalang) dan perlu disemak seminggu sekali. Jika 1 kupon hilang, perlu buat laporan kehilangan sepertimana yang telah ditetapkan dalam AP.

### **41. Kekurangan PT Hasil (W17)**

Tugas mengutip hasil adalah tanggungjawab semua penjawat awam. KSU telah menurunkan kuasa tersebut kepada JM/MA dan sebagainya.



**SEKIAN, TERIMA KASIH**